

14/11/1997

Barat sengaja cari kelemahan

TAIPING, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Barat kini sengaja mencari kelemahan pentadbiran pemimpin negara Asia kerana mereka tidak mahu hasrat menjadikan abad ke-21 milik Asia, tercapai.

Menurutnya, mereka mendakwa pemimpin Asia sekarang tidak lagi bercakap mengenai abad ke-21 sebagai Abad Asia kerana kononnya negara rantau ini tidak berjaya membangunkan kawasan ini berikutan masalah ekonomi masing-masing.

Dr Mahathir berkata, mereka juga bersikap bongkak ketika memperkatakan krisis kepemimpinan di negara Asia, seperti isu pentadbiran di Thailand.

"Sementara mereka begitu sekali menjunjung demokrasi, apa yang dilakukan mereka sebenarnya jauh daripada amalan demokrasi.

"Mereka bercakap mengenai demokrasi, tetapi untuk menyingkirkan seorang yang dipilih oleh rakyat sendiri, mereka langsung tidak menghormati keputusan suara ramai. Inilah yang kita kata hipokrasi, bukan demokrasi," katanya di Bukit Merah, dekat sini, petang ini.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata kerajaan sedia mengkaji mata wang alternatif untuk urusan perdagangan dengan negara lain bagi mengelak terlalu bergantung kepada dolar Amerika seperti usaha Kesatuan Eropah (EU) mewujudkan sistem mata wang seragam.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tetap menghadiri mesyuarat Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kanada, walaupun membatalkan lawatan rasmi ke negara itu mulai 19 hingga 22 November ini kerana kurang sihat berikutan cuaca sejuk di sana.

(END)